

23/05/1999

F1 julang nama Malaysia

Halmi Samad

SELEPAS berhempas pulas meyakinkan Persekutuan Automobol Antarabangsa (FIA), Malaysia menerima penghormatan selaku tuan rumah perlumbaan Formula Satu (F1) di Litar F1 Sepang, berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bermula 17 Oktober ini. Persetujuan boss FIA yang juga Presiden Persekutuan Pembuat Formula Satu (FOCA), Bernie Ecclestone memastikan Malaysia melakar sejarah unik selaku negara Asia Tenggara pertama dipertanggungjawab menganjurkan perlumbaan berprestij itu.

Tanggal 17 Oktober ini akan bergemalah kebingitan enjin kereta F1 akan menguasai Litar F1 Sepang. Petugas sibuk melayari kerenah pelumba bagi memastikan kereta di tahap maksimum. Pada layar besar, tertera perkataan "Selamat Datang ke Grand Prix Kuala Lumpur".

Itu menandakan perlumbaan kedua terakhir kalendar F1 itu akan bermula. Ia juga membuka lembaran sejarah unik buat Malaysia, selain menjanjikan saingan sengit dalam kancah perlumbaan enjin menjelang milenium baru.

Berbeza dengan perlumbaan Grand Prix motosikal dunia di negara ini yang bermula di awal saing, jaguh-jaguh F1 seperti Mika Hakkinen, Micheal Schumacher, Jacques Villeneuve, Eddie Irvine dan Jean Alesi, tampil di Litar F1 Sepang pada detik getir. Biasanya, perlumbaan kedua terakhir, sebelum menutup tirai di Jepun, menentukan hala tuju kedudukan sang juara.

Pada masa yang sama, perlumbaan F1 di Sepang melontarkan cabaran buat Malaysia terus membuktikan ia sentiasa berupaya meletakkan dirinya di persada pengiktirafan dan penghormatan dunia. Selama ini, nama negara ini cukup harum serta sinonim dengan kehebatan menganjurkan kejohanan bertaraf dunia, termasuk Sukan Komanwel 1998 dan Kejohanan Bolasepak Piala Dunia Belia 1997.

F1 sebenarnya bererti cabaran maksimum kerana maruah Malaysia jadi pertaruhan. Kerana itu, ia harus ditangani penuh ketelitian. Perlumbaan 16 sirkit itu yang bermula di Melbourne, Australia, awal tahun, sentiasa dikaitkan dengan teknologi enjin berkuasa tinggi, nilai hak penyiaran televisyen ratusan juta ringgit dan jumlah penonton melebihi 500 juta setiap perlumbaan.

Tanpa satu perancangan yang jitu, Malaysia berkemungkinan tewas melancarkan penganjuran sempurna. Apatah lagi, perjuangan untuk mendapatkan pengesahan tiket selaku tuan rumah daripada Ecclestone bukannya tugas mudah. Boss FIA itu diakui berperwatakan licik dan bijak bermain kata-kata. Yang jelas, bukan mudah meyakinkan Ecclestone.

Paling menarik, perjuangan Malaysia untuk membina litar berkenaan juga sarat detik mencemaskan. Pembinaan litar bernilai RM250 juta ciptaan Tilke Ingenieure Fir Umwelttechnik dan Iktisas Enginieurs itu bermula di saat negara dicengkam kegawatan ekonomi.

Namun, berkat kesabaran semua pihak, litar itu yang disifatkan juara 1998, Hakkinen sebagai terbaik di dunia disempurnakan perasmianya oleh Dr Mahathir.

Kini, detik 17 Oktober akan tanggal keramat untuk sama ada menentukan keupayaan Malaysia sebagai penganjur F1, atau tidak.

Begitupun, kalimah keramat 'Malaysia Boleh' disulami dedikasi tinggi, pegawai berkualiti, kepakaran menggunung dan kerjasama jitu, bakal menyaksikan negara pasti tidak bermasalah untuk merealisasikan impian murni. Jika Kuala Lumpur '98 dan Kejohanan Piala Dunia Belia 1997, berjaya dilestarikan sebagai kejohanan bergaya, tidak mustahil edisi sulung Grand Prix Kuala Lumpur akan dinobatkan selaku antara perlumbaan paling sempurna

dalam era tahun 90-an.

(END)